

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN
AKTIVITI PERINDUSTRIAN/BENGGEL/KEJURUTERAAN
MAJLIS DAERAH MERSING**

PERATURAN AM

1. Lesen perlu dipamerkan pada setiap masa di tempat yang jelas dan tidak boleh dipindahkan.
2. Lesen Perniagaan yang telah diluluskan tidak boleh dipindah milik melainkan dengan kebenaran.
3. Setiap lesen yang dikeluarkan boleh dibatalkan pada bila-bila masa jika pemiliknya tidak mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil MDM.
4. Menjadi satu kesalahan jika pihak pengurusan industri enggan memberi kerjasama dengan kakitangan MDM yang diberi kuasa untuk menjalankan pemeriksaan di dalam kawasan premis.
5. Sentiasa mematuhi peraturan keselamatan dan peraturan alam sekitar yang dikuatkuasa.
6. Memastikan pengusaha kantin mematuhi syarat dan peraturan bagi Premis Perniagaan Penyediaan Makanan.

STRUKTUR FIZIKAL & KESELAMATAN

1. Peralataan keselamatan yang lengkap perlu disediakan.
2. Diwajibkan menyediakan kotak pertolongan cemas yang sentiasa dilengkapi dengan ubat-ubatan dan tidak tamat tempoh.
3. Memastikan penyediaan peralatan pencegahan kebakaran yang sempurna dan mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia.
4. Memastikan bahan-bahan atau larutan yang mudah terbakar hendaklah disimpan dalam bekas bertutup.
5. Memastikan semua bahan hendaklah disimpan mengikut cara dan keadaan yang dapat mencegah kebocoran bahan-bahan berbahaya.
6. Sentiasa mematuhi syarat-syarat dan keperluan daripada Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Alam Sekitar dll agensi yang berkaitan (Agensi Teknikal)

PERSEKITARAN

1. Dilarang meletakkan barang yang besar di jalan sisi/laluan/luar kawasan operasi industri. Ia adalah dilarang membuat sebarang halangan di lorong-lorong belakang atau tepi jalan. Halangan atau rintangan di pintu masuk/keluar tidak dibenarkan. Kerja perlu dijalankan di dalam kawasan premis sahaja.
2. Menyediakan pengudaraan yang mencukupi.
3. Memastikan pencahayaan mencukupi dalam kawasan premis.
4. Dilarang mengamalkan pembakaran terbuka untuk habuk-habuk kayu dan menyebabkan pencemaran alam sekitar dan kacau ganggu awam.
5. Memastikan operasi tidak boleh menyebabkan kacau ganggu kepada orang awam.

KEBERSIHAN & KESIHATAN

1. Kebersihan bangunan dan kawasan sekeliling bangunan perlu dijaga pada setiap masa.
2. Menyelenggara sistem saliran bagi memastikan ia sentiasa dalam keadaan bersih dan berfungsi.
3. Perangkap sampah dan perangkap minyak perlu sentiasa dibersihkan.
4. Menyediakan kemudahan tandas yang baik dan bersesuaian mengikut keperluan serta kebersihannya perlu sentiasa dijaga.
5. Hendaklah mengadakan kemudahan tandas yang mencukupi.
6. Pemegang lesen hendaklah menyelenggara premis perindustrian termasuk tandas dan kelengkapan supaya berada di dalam keadaan bersih dan baik pada setiap masa.

PERHATIAN

Syarat-syarat di atas masih terus berkuatkuasa sekiranya tempoh permit ini diperbaharui atau dilanjutkan sehingga ada arahan bertulis daripada Majlis Daerah Mersing membatalkan syarat-syarat tersebut.